

LUMUT, 27 OGOS (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENJALANKAN KAJIAN MENYELURUH TENTANG KESAN SEBENAR KENAIKAN HARGA MINYAK KE ATAS KESEMUA BARANGAN YANG DIPASARKAN DI NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, HASIL KAJIAN ITU, YANG AKAN SELESAI DALAM MASA SEMINGGU LAGI, AKAN DIGUNAKAN UNTWK MENDIDIK ORANG RAMAI MENGELAK KENAIKAN HARGA BARANGAN YANG TIDAK WAJAR ATAS ALASAN KENAIKAN HARGA MINYAK.

KERAJAAN AKAN MENGADAKAN PERBINCANGAN MENERUSI TELEVISYEN UNTUK MEMBERI PENERANGAN KEPADA ORANG RAMAI KERANA KERJASAMA MEREKA SANGAT PERLU DALAM MENGAWAL KENAIKAN HARGA BARANGAN, KATA BELIAU.

TANPA KERJASAMA ORANG RAMAI, KERAJAAN TIDAK MUNGKIN DAPAT MENGAWAL HARGA KESEMUA BARANGAN KERANA PADA MASA INI HANYA LAPAN JENIS BARANGAN KEPERLUAN YANG MERUPAKAN BARANGAN TERKAWAL, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PARA PEMIMPXN BARISAN NASIONAL (BN) NEGERI DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MENYEDARI ADA PIHAK YANG AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA KENAIKAN HARGA MINYAK UNTUK MENAIKKAN HARGA BARANGAN. -- LAGI.

1848MST 27 08 90

D561

U B 5 3 7 A A B

MAHATHIR - INFLASI 2 LUMUT

+KITA TIDAK AKAN MENERIMA PERBUATAN SEPERTI INI,+ KATANYA SAMBIL MENAMBAH JIKA PERLU KERAJAAN AKAN MENGUATKUASAKAN SEMUA UNDANG-UNDANG YANG ADA TERMASUK UNDANG-UNDANG ANTISOROK, TEGAS BELIAU.

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN BERHARAP PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG TIDAK PERLU DILAKUKAN, SEBALIKNYA RAKYAT MENOLONG DIRI SENDIRI DENGAN CARA TIDAK MEMBELI BARANGAN YANG TIDAK PERLU SEKIRANYA HARGA DINAikkan SECARA TIDAK BERPATUTUAN.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN KAJIAN TELITI ITU, EKORAN KRISIS TELUK, SEDANG DIJALANKAN OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BANK NEGARA DAN KEMENTERIAN KEWANGAN.

IA MELIPUTI SEMUA JENIS BARANGAN TERMASUK BARANGAN MEWAH, BARANGAN IMPORT DAN PERKHIDMATAN.

BELIAU MENERANGKAN, SEBAGAI CONTOH, KENAIKAN HARGA MINYAK SEBANYAK 50 PERATUS TIDAK BERMAKNA HARGA BARANGAN TURUT NAIK SEBANYAK ITU ATAS ALASAN KENAIKAN KOS. -- LAGI.

1849MST 27 08 90

D563

U B 5 3 8 A A B

MAHATHIR - INFLASI 3 LUMUT

MINYAK CUMA MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA KOS PENGANGKUTAN DAN PENGELUARAN, KATANYA.

KOS PENGANGKUTAN JUGA TIDAK BERGANTUNG 100 PERATUS KEPADA KOS MINYAK TETAPI BERGANTUNG KEPADA FAKTOR LAIN TERMASUK KOS PENGURUSAN, UPAH KERJA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMINTA KERJASAMA MEDIA MASSA MENGELAKKAN DARIPADA MEMBANGKITKAN PSIKOLOGI INFLASI DI KALANGAN ORANG RAMAI.

MENGENAI PENGELUARAN MINYAK PETROLIUM NEGARA, BELIAU BERKATA ADA KEMUNGKINAN PENGELUARANNYA DITINGKATKAN KE TAHAP MAKSIMUM IAITU SEHINGGA 650,000 TONG SEHARI DARIPADA 605,000 TONG SEKARANG JIKA ADA NEGARA YANG MENGHADAPI KEKURANGAN BEKALAN MEMINTA BANTUAN MALAYSIA.

BELIAU MENEGASKAN MALAYSIA TIDAK BERTUJUAN MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA KEKURANGAN BEKALAN MINYAK EKORAN KRISIS TELUK UNTUK Mencari DUIT yang BANYAK.

KATANYA, MALAYSIA MENAMBAH PENGELUARAN MINYAKNYA KERANA BANYAK NEGARA MENGALAMI KEKURANGAN DAN MEMINTA BEKALAN DARI MALAYSIA. -- LAGI.

1856MST 27 08 90

D564

U B539 AAB
MAHATHIR - INFLASI 4 CUMUT

KATANYA, MALAYSIA KINI MEMBEKALKAN MINYAK KE FILIPINA DAN TELAH BERSETUJU DENGAN PERMINTAAN INDIA UNTUK MENDAPATKAN BEKALAN DARI NEGARA INI. HAD PENGELUARAN BELUM MENCAPI TAHAP MAKSIMUM DAN JIKA ADA NEGARA LAIN MEMERLUKAN MINYAK, NEGARA INI BERSEDIA MEMBEKALKAN. BEKALAN AKAN DISALURKAN SECARA TERUS KE NEGARA YANG MEMERLUKAN KERANA KERAJAAN TIDAK MAHU MANA-MANA PIHAK MENGAMBIL KESEMPATAN, KATA BELIAU.

MENGENAI MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA (MAPEN), BELIAU BERKATA TIDAK TIMBUL SOAL PEMBUBARAN BADAN ITU EKORAN KEGAGALANNYA UNTUK MENCAPI KEPUTUSAN SEBULAT SUARA.

KERAJAAN MASIH HENDAK MENDENGAR JUGA PENDAPAT MAJLIS ITU, KATANYA SEBAGAI MENJELASKAN KENYATAANNYA SEMALAM BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGGUBAL SENDIRI DASAR EKONOMI NEGARA BERIKUTAN TIADA KEPUTUSAN SEBULAT SUARA OLEH MAPEN.

KATANYA, OLEH KERANA MAJLIS ITU TIDAK MENCAPI KEPUTUSAN SEBULAT SUARA, KERAJAAN TIDAK TERIKAT 100 PERATUS DENGAN KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH MAJLIS BERKENAAN. -- BERNAMA.
1858MST 27 08 90